

Perginya Sultan yang bijaksana

Kosmo 29/5/14 MS. 26

Almarhum Sultan Azlan Shah yang mangkat semalam merupakan raja yang cemerlang dan bijaksana dalam menjalankan tugas mentadbir negeri dan negara.

Oleh SOPI SAMAILE, SHAHRUL NOOR ISHAK, MUHAMMAD AYMAN GHAFFA dan DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

NAUNGAN diraja di bumi Darul Ridzuan dan harapan rakyat nyata terlihat kesinambungannya apabila Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Yussuff Izzuddin Shah diputerakan pada 19 April 1928 di Batu Gajah, Perak.

Putera kedua Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil Nasruddin Muhtaram Shah dan Yang Teramat Mulia Toh Puan Besar Hatijah Datuk Setia Wangsa Ahmad itu digambarkan sebagai seorang kanak-kanak yang manja dengan sanak saudaranya.

Almarhum Sultan Azlan Shah dibesarkan di Batu Gajah dan menerima pendidikan awal di Sekolah Inggeris Kerajaan Batu Gajah yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yussuff.

Almarhum merupakan seorang pelari pecut acara 100 ela (91 meter), 200 ela (183 meter) dan lari berganti-ganti.

Pada tahun 1948 hingga 1950, Almarhum terpilih mewakili Pasukan Melayu Perak dan negeri Perak dalam permainan hoki. Dengan bentuk tubuh yang kecil, Almarhum bermain di posisi penyerang tengah kerana kemampuannya berlari pantas.

Selain cemerlang dalam arena sukan, Almarhum juga diberi kepercayaan untuk menggalang tanggungjawab sebagai ketua pengawas untuk memimpin pelajar di Sekolah Inggeris Kerajaan Batu Gajah pada tahun 1948.

Almarhum mengambil peperiksaan Senior Cambridge untuk melanjutkan pelajaran ke Maktub Melayu Kuala Kangsar selama setahun untuk melayakkan diri ke peringkat universiti. Ketika itu, ayahanda Almarhum telah ditabalkan sebagai Sultan Perak yang ke-32 pada 31 Mac 1948.

Sewaktu menuntut di Maktub Melayu Kuala Kangsar, Almarhum mengikuti




ALMARHUM Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun berangkat meninggalkan Istana Iskandariah selepas Majlis Angkat Sumpah Menteri Besar Perak, Datuk Dr. Zambry Abdul Kadir pada 6 Februari 2009.



ALMARHUM Sultan Azlan Shah berperawakan peramah dan disenangi rakyat jelata.





ALMARHUM Sultan Azlan Shah dengan pakaian rasmi Ketua Hakim Negara pada tahun 1970-an.



ALMARHUM Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri, Tuanku Bainun semasa pertabalan sebagai Yang di-Pertuan Agong pada tahun 28 April 1989.



Sultan Pussan.

Sewaktu kecil, bondanya memanggil Almarhum baginda dengan nama manja, Lan. Saudara terdekat pula memanggil Almarhum dengan nama Raja Lan atau Ku Cik.

Almarhum gemar berlumba basikal selepas waktu persekolahan. Usai penat bermain hoki bersama kawan-kawan pada waktu petang, Almarhum akan pergi ke rumah sepupu atau ibu saudaranya untuk makan makanan kegemarannya iaitu kue tiau goreng.

Walaupun berketurunan raja, Almarhum dibesarkan dalam persekitaran masyarakat orang kebanyakan. Persekitaran itu memberi peluang kepada Almarhum untuk memantapkan diri melalui kehidupan di luar sangkar emas.

Almarhum Sultan Azlan Shah merupakan seorang pelajar yang aktif dan cergas sewaktu zaman persekolahan. Almar-

JENAZAH Almarhum Sultan Azlan Shah dibawa ke Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar untuk orang ramai memberi penghormatan terakhir sebelum istiadat pengebumian petang ini.

Sewaktu menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Almarhum mengikuti kursus khas dalam dua mata pelajaran iaitu sastera Inggeris dan bahasa Latin. Kedua-dua mata pelajaran itu merupakan persediaan awal untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di England.

Sejurus tamat pengajian di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Almarhum meninggalkan tanah air pada 31 Disember 1950 untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di University of Nottingham, England.

Sewaktu pengajian, Almarhum dan sukan hoki bagai tidak dapat dipisahkan. Sultan Azlan Shah bermain hoki untuk pasukan universiti dan daerah Nottingham. Almarhum merupakan satu-satunya pemain hoki yang bukas berkulit putih menerima pingat emas ketika peringkat universiti.

Tamat pengajian

Tiga tahun bertungkus lumus, Almarhum akhirnya berjaya mengungguli Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang ketika berusia 25 tahun. Pada bulan November 1954, Almarhum diterima masuk ke Badan Peguam Inggeris The Honourable Society of Lincoln's Inn, London setelah melalui satu ujian.

Selama empat tahun Almarhum Sultan Azlan Shah berada di luar negara, pelbagai perkara yang dipelajarinya. Melalui pergaulan dengan masyarakat Inggeris, Almarhum turut mempelajari nilai-nilai positif dalam kehidupan mereka seperti mementingkan kebersihan, menghargai masa dan ketepatan waktu.

Selepas menamatkan pengajian di University of Nottingham, Almarhum Sultan Azlan Shah kembali ke tanah air dan memulakan kerjayanya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di Ipoh pada tahun 1954.

Info



Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah

- Dilahirkan pada tahun 1928 di Batu Gajah, Perak.
- Anakanda kepada Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil Nasshirruddin al-Makhtarram Karamatullah Shah dan Toh Puan Dewangsa Khadijah Ahmad.
- Berkahwin dengan Tuanku Bainun Mohd. Ali dan dikurniakan lima cahaya mata.

■ Dimasyhurkan sebagai Sultan Perak ke-34 pada 3 Februari 1984 dan ditabal sebagai Sultan Perak secara rasmi pada 9 Disember 1985.

■ Melafazkan sumpah jawatan dan menandatangani surat pengisytiharan sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-9 pada 26 April 1989.

Pendidikan

■ Mendapat pendidikan menengah di Sekolah Inggeris Kerajaan Batu Gajah, (kini SMK Sultan Yussuf, Batu Gajah).

■ Melanjutkan pelajaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar dan menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-undang University of Nottingham, United Kingdom pada tahun 1953

■ Diterima masuk ke Badan Peguam



ALMARHUM Sultan Azlan Shah bergambar bersama keluarga semasa istiadat mengangkat sumpah sebagai Paduka Seri Sultan Perak yang ke-34 pada 31 Januari 1984.



ALMARHUM Sultan Azlan Shah (berdiri dua dari kanan) dibesarkan dalam persekitaran orang kebanyakan.

← Tidak sampai setahun berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Almarhum memilih untuk memasuki bidang perkhidmatan yang menepati kelulusan akademiknya iaitu bidang perundangan dan kehakiman.

Bermula saat itu, Almarhum telah bertukar ke Kuala Lumpur lalu dilantik sebagai majistret kelas pertama bermula tahun 1955 hingga 1956.

Rekod cemerlang

Kematangan dan kecekapan Almarhum Sultan Azlan Shah dalam kerjaya semakin menyerlah. Almarhum dilantik memegang jawatan penting iaitu sebagai Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur antara tahun 1962 hingga 1963.

Pada tahun 1963, Almarhum Shah

kuat kuasa 26 April 1984.

Pada 26 April 1989 pula, Almarhum Sultan Azlan Shah dilantik sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kesembilan.

Dalam pada itu, Almarhum Sultan Azlan Shah mempunyai perawakan yang peramah dan disenangi ramai, ditambah pula dengan minatnya dalam bidang sukan menjadikan Almarhum seorang yang popular serta mempunyai ramai kenalan.

Semasa menjadi hakim,

Pada tahun 1963, Almarhum Sultan Azlan Shah dinaikkan pangkat dan bertukar jawatan sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan sehingga tahun 1965 dan ketika itu, Ketua Hakim Negara yang pertama ialah Tun Sir James Thomson.

Thomson melahirkan rasa kagum dengan rekod cemerlang, kebolehan dan kearifan Almarhum Sultan Azlan Shah serta yakin baginda mempunyai potensi dan peluang untuk menduduki tangga yang paling tinggi dalam institusi kehakiman.

Dengan keyakinan itulah, Thomson mencadangkan supaya Almarhum Sultan Azlan Shah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Tanah Melayu pada tahun 1965 ketika usia baginda 37 tahun.

Almarhum Sultan Azlan Shah terus mendaki tangga kerjaya apabila

dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1979 sebelum dilantik sebagai Ketua Hakim Negara yang kelima pada tahun 1982.

Setahun kemudian iaitu pada Julai 1983, Almarhum Sultan Azlan Shah telah dilantik sebagai Raja Muda Perak.

Dua tahun kemudian, selepas Sultan Idris Iskandar Shah mangkat pada 31 Januari 1984, Dewan Negara telah bersetuju melantik Almarhum yang ketika itu Raja Muda Azlan Shah sebagai Sultan Perak ke-34.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu di Istana Negara, Kuala Lumpur telah berkenan melantik baginda sebagai Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong ber-

seorang yang serius dan begitu teliti mendengar hujah-hujah yang disampaikan, manakala dalam keadaan biasa, Almarhum suka berjenaka dan mendengar cerita kawan-kawannya.

Bagi yang pernah menghadap Almarhum, mereka berasa selesa dan tenang apabila berhadapan dengan Almarhum.

Sebagai Sultan Perak, Almarhum Sultan Azlan Shah merupakan ketua hal-ehwal agama Islam bagi negeri itu dan Almarhum menolak sebarang gerakan pelampau agama yang memecahbelahkan perpaduan ummah.

Almarhum mahu melihat perkembangan Islam yang sederhana, penuh toleransi dan umat Islam menjadi ikutan kepada orang bukan Islam.

Ingerger The Honourable Society of Lincoln's Inn, London pada November 1954.

Kerjaya

■ Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman Persekutuan Tanah Melayu, Majistret Kelas Pertama, Presiden Mahkamah Seksyen, Peguam Persekutuan dan Timbalan Pendakwa, Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Pendaftar Mahkamah Tinggi Persekutuan Tanah Melayu dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

■ Pada usia 37 tahun, Almarhum menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Malaya termuda dalam sejarah kehakiman Komanwel

Kuasa raja mengikut sistem gelaran

SELEPAS negara merdeka, setiap kerajaan negeri di Malaysia mempunyai pemerintah yang dilantik menerusi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dan adat istiadat pertabalan.

Bagaimanapun, pertabalan Raja Pemerintah bagi negeri Perak tidak seperti negeri-negeri lain. Misalnya, di negeri Pahang dan Johor, kuasa pemerintah dimahkotakan kepada puteranya.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad menjelaskan, kuasa raja pemerintah di Perak akan

diberikan mengikut sistem gelaran Raja-Raja Bergelar.



ZAID

"Raja Muda merupakan pemangku sultan seterusnya selepas gelaran bermula dengan Raja Kecil Bongsu, Raja Kecil Tengah, Raja Kecil Sulong, Raja Kecil Besar dan diikuti Raja Di Hilir.

"Bagaimanapun, tidak mustahil bagi yang bergelar Raja Di Hilir ditabal menjadi Sultan dan Yang Dipertuan kerana wujud perkara-perkara semula jadi seperti keadaan kesihatan yang tidak baik atau kemangkatan," jelasnya ketika dihubungi *Kosmo!* se-

malam.

Tambahnya, negeri Perak mempunyai Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri yang mantap, secara tidak langsung perkara-perkara pertelingkahan atau perebutan kuasa tidak mungkin berlaku.

"Dahulu perebutan kuasa diselesaikan dengan senjata, tetapi pada hari ini setiap tuntutan yang ingin dilakukan perlu berhadapan dengan undang-undang tubuh negeri dan Perak mempunyai sistem perundangan yang mapan," katanya.

Dalam pada itu, pertabalan Sultan Perak mempunyai kesinambungan dengan permahkotaan Sultan Perak yang

pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah. Istiadat tersebut merupakan adat resam pertabalan sultan kerajaan Melayu Melaka pada kurun ke-15.

Istiadat tabal adat Almarhum Sultan Azlan Shah telah berlangsung pada 9 Disember 1985 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak. Sementara itu tabal pusaka berlangsung pada waktu malam, sehari selepas istiadat tabal adat.

Istiadat dihadiri oleh wakil raja-raja Melayu, kerabat diraja Perak, Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet, Ahli Dewan Negeri Perak, Menteri Besar dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak serta para jemputan.